

28 OCT 2002

APEC-RANGKUMAN/I

APEC DI MEXICO IKTIRAF USAHA-USAHA ANTI KEGANASAN MALAYSIA

Oleh: Mohd Arshi Daud

LOS CABOS, 28 Okt (Bernama) -- Usaha berterusan Malaysia bagi memerangi keganasan mungkin menerima pengikirafan tertinggi yang pernah diberikan sehingga kini apabila Presiden Amerika Syarikat George W. Bush mencadangkan supaya Malaysia menjadi hos kepada Pusat Latihan Serantau bagi Mengatasi Keganasan pada Sidang Kemuncak Apec tahun ini, yang berakhir di sini pada Ahad.

Bush membuat cadangan berkenaan ketika pertemuannya dengan pemimpin Asean semasa acara sampingan Sidang Kemuncak Forum Pemimpin-pemimpin Kerjasama Ekonomi Asia-Pasifik (Apec) pada Sabtu.

Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, yang mewakili Malaysia pada sidang kemuncak tahun ini berkata beliau percaya pengalaman negara dalam isu-isu berkenaan terutamanya dalam aspek pencegahan adalah penting.

Pusat latihan berkenaan, yang dijadualkan ditubuhkan tahun depan, akan memberi tumpuan kepada projek-projek yang bertujuan meningkatkan kemampuan dan kemahiran setiap negara Asean dalam menangani pergerakan pengganas.

Langkah Kuala Lumpur menangani keganasan telah berjalan sejak dahulu lagi sebelum keganasan menjadi ikutan selepas kejadian serangan pengganas terhadap Amerika Syarikat pada 11 Sept, apabila pasukan keselamatan Malaysia terpaksa berdepan dengan komunis sebelum kemerdekaan Malaysia pada 1957.

Selain Abdullah, Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar juga menghadiri sidang kemuncak Apec itu dan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Seri Rafidah Aziz mengetuai delegasi Malaysia di mesyuarat peringkat menteri.

Para pemerhati merasakan bahawa pengumuman Bush berkenaan tepat pada masanya apabila Malaysia, dengan penduduk utamanya terdiri daripada orang Islam, mendapatinya agak menjengkelkan melihat Islam disamakan dengan keganasan.

Di pelbagai persidangan peringkat antarabangsa, Malaysia kritis dengan sikap tidak bertanggungjawab sesetengah pihak yang melabelkan Islam dan keganasan dan telah secara berterusan menggunakan platform berkenaan untuk memaklumkan kepada dunia bahawa tindakan yang sangat kejam itu dilakukan oleh mereka yang ekstremis dan mereka yang telah menyimpang daripada ajaran sebenar.

Di bawah kepimpinan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Malaysia secara berterusan memberi penekanan mengenai keperluan untuk mengenal pasti akar umbi punca keganasan sekiranya masyarakat antarabangsa mahu masalah ini ditangani demi kebaikan.

Meskipun sidang kemuncak dua hari di sebuah pusat perancangan tepi pantai di semenanjung Baja California, Mexico, yang dihoskan oleh presiden Mexico Vicente Fox telah memberi tumpuan kepada perbincangan bagi mengatasi keganasan, satu kenyataan dikeluarkan selepas perhimpunan berkenaan gagal menyeru supaya punca-punca berlakunya keganasan dikenalpasti.

Bagaimanapun, semasa mesyuarat sambil rehat pemimpin-pemimpin Apec, Abdullah telah mengingatkan masyarakat antarabangsa bahawa kegagalannya untuk menangani tiga isu utama secara berhati-hati -- Iraq; Palestin dan Israel; serta keganasan -- yang kini mempengaruhi Ummah boleh mencetuskan sesuatu yang tidak baik daripada orang Islam.

"Ia (kegagalan itu) boleh mencetuskan reaksi yang buruk, terutamanya sekiranya tindakan yang diambil dilihat sebagai tidak adil dan prejudis

terhadap orang Islam. Ini akan seterusnya menambah kemarahan orang Islam," katanya.

Beliau menolak pendapat bahawa kemiskinan merupakan penyebab merebaknya kebencian di kalangan orang Islam terhadap bukan Islam. Abdullah berkata ia mungkin disebabkan oleh sistem atau institusi yang merenggangkan atau menghalang orang Islam, atau nampaknya prejudis terhadap atau tidak adil kepada mereka, malah dalam langkah yang diambil bagi mengetasi aktiviti keganasan.

"Biasanya, orang Islam akan menjadi marah dan kemarahan itu akan membawa mereka kepada sebarang bentuk tindakan (dan) ia boleh menghasilkan keganasan," katanya.

Para pemimpin Apec, dalam deklarasi setebal lapan muka surat yang dikeluarkan selepas mesyuarat berkenaan telah antara lain, menyeru kerjasama antarabangsa yang kukuh untuk menyokong usaha-usaha serantau bagi menghapuskan keganasan serta mengekalkan keyakinan ekonomi di rantau berkenaan.

Meskipun keganasan menjadi tumpuan pada sidang kemuncak Apec di Mexico, mesyuarat berkenaan tidak meninggalkan isu-isu liberalisasi perdagangan dan pasaran, satu matlamat yang dipilih untuk digunapakai oleh 21 anggota ekonomi.

Semasa menyaran sokongan bagi sistem pelbagai hala perdagangan para pemimpin telah menyeru menteri-menteri Apec untuk terus mengadakan rundingan bagi pasaran terbuka, mengeratkan pertumbuhan ekonomi dan pengurangan kemiskinan, terutamanya di negara-negara membangun, menggalakkan pembangunan mapan dan menyediakan peluang untuk setiap orang.

Para pemimpin berkenaan mengalu-alukan pelancaran rundingan perdagangan pelbagai hala di Doha, Qatar yang baru bagi meneruskan perbincangan perdagangan dalam semua bidang bagi Agenda Pembangunan Doha supaya tarikh akhir 1 Jan, 2005 akan menyelesaikan rundingan berkenaan.

"Kami bersetuju rundingan ini memberi masa depan kepada peningkatan sebenar dalam semua ekonomi; dan terutamanya ekonomi membangun dalam bidang-bidang perubahan pertanian, akses pasaran yang lebih baik bagi barangan dan perkhimatan serta penjelasan dan peningkatan disiplin perdagangan," kata pemimpin berkenaan.

Mereka juga menyeru supaya rundingan bagi menghapuskan semua jenis subsidi eksport pertanian serta halangan dan sekatan subsidi eksport yang tidak adil.

Deklarasi pemimpin itu juga menyatakan kesediaan untuk lebih menggalakkan secara terbuka, mempelbagaikan dan meningkatkan persaingan pasaran kewangan Apec termasuk pembangunan pasaran bon serantau.

Mereka memuji inisiatif Menteri-menteri Kewangan mereka untuk menganjurkan dialog polisi bagi mengenalpasti halangan kepada pembangunan pasaran pengsekuritian dan jaminan kredit serta bagi membangunkan pelan bertindak dan untuk melaporkan perkembangan kepada pemimpin Apec pada 2003.

Apec 2003 akan dihoskan oleh Thailand, yang juga mempengerusikan mesyuarat Apec keempat di Bangkok 10 tahun dahulu.

Ditubuhkan pada 1989, 21 anggota Apec terdiri daripada Australia, Brunei, Kanada, Chile, China, Hong Kong, Indonesia, Jepun, Malaysia, Mexico, New Zealand, Papua New Guinea, Peru, Filipina, Russia, Singapura, Korea Selatan, Taiwan, Thailand, Amerika Syarikat dan Vietnam. -- BERNAMA

MAD FR SHY NHD